

30 APR 1997

Mahathir-Pekerja

MAHATHIR HARGAI SUMBANGAN PEKERJA BANGUNKAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kerjasama antara kesatuan sekerja dengan sektor swasta dan kerajaan dalam Persyarikatan Malaysia akan mempercepat pembangunan negara dan meningkatkan pendapatan semua pihak.

Dalam perutusannya sempena Hari Pekerja esok, Dr Mahathir juga berkata beliau gembira dan menyambut baik kesanggupan kesatuan-kesatuan sekerja untuk bekerjasama dengan swasta dan kerajaan.

Tindakan perusahaan tidak akan mendatangkan apa-apa hasil jika masyarakat miskin, negara huru-hara dan pelabur, perniagaan serta perusahaan tidak ada, katanya.

"Masa sudah tiada untuk kita mencari cara yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah di antara majikan dan pekerja.

"Kekayaan mesti diagih secara saksama antara semua pihak -- majikan, pekerja, pelabur dan masyarakat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menasihatkan kesatuan sekerja dan pekerja supaya merenung keadaan yang telah menimpa negara-negara Barat seperti pengangguran antara 10 peratus hingga 50 peratus.

Sementara peluang kerja di Malaysia melebihi bilangan pekerja, kekurangan pekerja tempatan telah menaikkan upah sehingga berkali ganda.

Dr Mahathir berkata kerajaan menyambut baik kenaikan upah kerana ingin kehidupan rakyat menjadi lebih baik sepanjang masa tetapi jika kenaikan itu melebihi produktiviti, ia akan menyebabkan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup.

"Lebih daripada itu, jika barangan dan khidmat kita lebih mahal, kita tidak dapat bersaing di pasaran antarabangsa...industri kita akan rugi dan akhirnya tidak dapat menampung keperluan pelayang kerja bagi kita atau dengan perkataan lain kita akan menganggur," katanya.

Ini telah berlaku di negara-negara maju di Eropah dan menyebabkan ramai pekerja merana sehingga ada yang terpaksa hidup di bawah jambatan, tidur di atas kerusi panjang di taman-taman, ada yang mati di musim sejuk atau gila dan sebagainya.

Dr Mahathir berkata negara Barat dahulunya dapat melayan tuntutan pekerja kerana mereka dapat meraihkan kekayaan daripada tanah jajahan tetapi jajahan mereka sudah merdeka dan mampu bersaing dengan mereka.

Oleh itu, negara Barat berusaha mengeksport ke negara membangun tindakan perusahaan mereka supaya bekas jajahan mereka tidak dapat bersaing dengan mereka.

"Mereka tidak pernah mengambil berat penderitaan pekerja kita dahulu. Bolehkah kita percaya sekarang ini mereka begitu sedih dengan kononnya penindasan pekerja kita?" tanya beliau.

Dr Mahathir berkata tindakan perusahaan dan mogok yang berasal dari Barat memang wajar digunakan di negara-negara itu kerana majikan mereka pada dahulunya memang menindas pekerja.

Tetapi apabila kesatuan-kesatuan itu berjaya dan menjadi kuat, soal keadilan menjadi perkara kedua dan sebaliknya kenaikan upah diutamakan tanpa mengira majikan mampu atau tidak.

"Dengan perkataan lain, layanan ditentukan oleh keputusan siapa yang lebih kuat. Keadaan tidak berbeza daripada penyelesaian masalah melalui pertandingan tinju, iaitu satu cara yang primitif," katanya.

Dalam proses ini, kedua-dua pihak dibelasah dan parah dan akhirnya kos penyelesaian menjadi tinggi yang terpaksa dipikul oleh masyarakat melalui

inflasi.

Dalam masyarakat yang bertamadun, pertikaian di antara dua pihak diselesai melalui pengadilan pihak ketiga yang tidak terlibat, kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

TCL NMO